

D954

U B390 DEB
MAHATHIR-PENEROKA

JEMPOL: 25 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS SEGELINTIR PENEROKA FELDA YANG TIDAK BERSYUKUR ATAS SEGALA BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN DAN SEBALIKNYA CUBA +MENGGIGIT TANGAN TUAN YANG MENYUAPNYA+.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA BERKENAAN SEHARUSNYA BERSYUKUR DENGAN MEMBERI KERJASAMA DAN SOKONGAN KEPADA KERAJAAN KERANA DIPILIH MENJADI PENEROKA RANCANGAN TANAH DARIPADA BERPULUH-PULUH RIBU RAKYAT YANG MEMOHON.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN LEBIH \$3,000 JUTA UNTUK MEMBUKA RANCANGAN TANAH FELDA DI SELURUH NEGARA BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT YANG TIDAK BERTANAH DAN BERPENDAPATAN KECIL MENIKMATI PENDAPATAN YANG LEBIH MEWAH DAN KEHIDUPAN YANG LEBIH SEMPURNA.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional Berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan yang dihadiri oleh peneroka gususan palong di palong lima di sini.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA TERDAPAT SEBILANGAN KECIL PENEROKA YANG TIDAK BERSYUKUR ATAS SEGALA BANTUAN YANG DICURAHKAN OLEH KERAJAAN DAN SEBALIKNYA MENGGIGIT TANGAN ORANG YANG MENYUAP MEREKA.

- LAGI

1959MST 25 07 86

0955

U B392 DEB

MAHATHIR-PENEROKA 2 JEMPOL

+GOLONGAN PENEROKA INI KINI MELAWAN KERAJAAN DAN TIDAK LANGSUNG MAHU BERSYUKUR DENGAN NIKMAT MENJADI PENEROKA SEDANGKAN RIBUAN LAGI TIDAK LANGSUNG BERPELUANG DIPILIH,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA GOLONGAN YANG MENYOKONG PAS INI SEBENARNYA BERTINDAK BERTENTANGAN DENGAN ISLAM YANG MENUNTUT UMATNYA SENTIASA BERSYUKUR DENGAN NIKMAT YANG DIKECAPI DAN MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI RAKYAT YANG BERKEHIDUPAN LEBIH TINGGI BERBANDING PADA MASA LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULANGI CABARANNYA KEPADA PUCUK PIMPINAN PAS SUPAYA MEMBENTANGKAN AKAUN PERBELANJAAN TABUNG JIHADNYA KERANA ORANG RAMAI YANG MENDERMA INGIN MENGETAHUI URUSAN PERBELANJAAN YANG DIBUAT SETAKAT INI.

JIKA PAS GAGAL BERBUAT DEMIKIAN, IA MENUNJUKKAN PARTI ITU TELAH MENYALAHGUNAKAN WANG DERMA ORANG RAMAI DAN INI SATU CARA PENIPUAN YANG TIDAK SEPATUTNYA DILAKUKAN OLEH PARTI YANG SENTIASA MENDAKWA IA BERLANDASKAN DAN BERJUANG UNTUK ISLAM SEMATA-MATA.

BELIAU JUGA MENGECEM PAS KERANA SANGGUP MELUTUT KEPADA DAP SEMATA-MATA UNTUK MEMANCING UNDI DAN MENEPEKIPKAN PRINSIP-PRINSIP ASAL PERJUANGANNYA IAITU BERJUANG MENEGAKKAN SEBUAH NEGARA ISLAM. -- LAGI

2001MST 25 07 86

0958

U B394 DEB

MAHATHIR-PENEROKA 3 JEMPOL

MENGENAI DAP, PERDANA MENTERI MENGUTUK USAHA PARTI ITU UNTUK CUBA MENAFIKAN HAK TUJUH JUTA PENGUNDI MEMILIH WAKIL RAKYAT DAN KERAJAAN YANG MEREKA INGINI PADA PILIHANRAYA 2 DAN 3 OGOS INI.

INI KERANA PARTI ITU MENGUGUT MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH SELEPAS PILIHANRAYA BAGI MENDAPATKAN KEPUTUSAN KEHAKIMAN UNTUK MENGISYTIHARKAN BAHAWA PILIHANRAYA YANG DIADAKAN TIDAK SAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN DAP BAHAWA BUKAN MENJADI HAK MEREKA MENAFIKAN HAK RAKYAT NEGARA INI KERANA RAKYAT SAHAJALAH SEBENARNYA BERKUASA MENENTUKAN SAMA ADA PILIHANRAYA HARUS DITERUSKAN ATAU PUN TIDAK.

UGUTANNYA ITU MENUNJUKKAN DAP (WALAUPUN IA PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK) SEBENARNYA TIDAK DEMOKRATIK SAMA SEKALI. JIKA MEREKA CUBA MENAFIKAN HAK RAKYAT, KATANYA

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA RAKYAT MENGUNDI PARTI-PARTI PEMBANGKANG KEMUNGKINAN IA AKAN MENYEBABKAN KEADAAN YANG TIDAK TENTERAM DAN KITA TIDAK MAHU PERISTIWA TAHUN 1969 BERULANG. -- LAGI
2006MST 25 07 86

0962

U B395 DEB

MAHATHIR-PENEROKA 4 JEMPOL

PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK KERAJAAN BN MAMPU MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL DAN MENYEDIAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG BERFAEDAH UNTUK SELURUH RAKYAT TANPA MENGIPA KAUM, KETURUNAN, BANGSA DAN AGAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIHINGGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI KEMULIAN MERASMIKAN PUSAT KESIHATAN GUGUSAN PALONG YANG MENELAN BELANJA \$1.6 JUTA.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DATUK MOHAMAD ISA SAMAD DAN ISTERI, CALON BN PARLIMEN JEMPOL, BEKAS EXCO NEGERI HAJI KHALID YUNUS DAN CALON BN NEGERI PALONG, ENCIK BAHARUDDIN HASSAN, SEORANG PENEROKA.

HAJI KHALID DITENTANG OLEH ENCIK A. SUNDARAJU ATAU MOHAMED ABDULLAH (PAS) DAN THAM KIM SUNG (DAP) DAN ENCIK BAHARUDDIN OLEH MOHAMAD GANTI SUDIN (PAS). -- BERNAMA
2011MST 25 07 86